

PM umum inisiatif tambahan

Babit bantuan Aidilfitri, lanjut pelepasan cukai individu

Bernama

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan beberapa inisiatif tambahan dalam Belanjawan 2023.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbezaan 2023 (Belanjawan 2023) bagi baucan kali kedua di Dewan Negara semalam berkata inisiatif tambahan baharu itu membabitkan bantuan Aidilfitri, melanjutkan pelepasan cukai individu dan berkaitan peruntukan kredit perumahan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

"Memandangkan keadaan hidup rakyat ini masih terasa... saya teliti mana kohort yang tidak peroleh manfaat sebelum ini, masih ada masalah terutama pada bulan Ramadan dan Aidilfitri."

"Maka saya bersetuju sarkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada 850,000 pekebum kecil getah, pesawat dan nelayan sebanyak RM200 lagi, tambahan (kepada) apa yang telah diumumkan. Hal ini akan menelan belanja RM170 juta

jingga," kata beliau.

Anwar berkata penambahan berkenaan adalah bantuan terbesar yang pernah diberikan kerajaan kepada golongan nelayan, pesawat dan pekebum kecil.

Dalam Belanjawan 2023

sebelum ini, kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM300 sebulan kepada nelayan dan RM200 sebulan untuk pesawat padi untuk tempoh tiga bulan semusim serta menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada RM600 kepada RM800 untuk tempoh empat bulan kepada pekebum kecil getah.

Selain itu, pasukan sukarelawan berkenaan adalah bantuan terbesar yang pernah diberikan kerajaan kepada golongan nelayan, pesawat, sukarelawan polis dan borba turut menerima 'duit raya' apabila kerajaan berse-

Saya teliti mana kohort yang tidak peroleh manfaat sebelum ini, masih ada masalah terutama pada bulan Ramadan dan Aidilfitri"

Anwar Ibrahim

tuju memberikan sagu hati sebanyak RM300.

"Saya sebut tadi ada kategori tidak dapat manfaat

sama, kategori ini ialah sukarelawan... ia berbeza daripada pekerja tetap, polis bantuan itu tidak termasuk, tapi kategori sukarelawan ini 200,000 orang, sehubungan itu menjelang Aidilfitri ini maka saya setuju beri sagu hati kepada mereka RM300," kata beliau.

Pada masa yang sama, Anwar turut mengumumkan pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu, sehingga RM8,000 untuk simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sehingga 2024.

"Setelah mendengar kereahan disuarakan dan teguran kepada kerajaan (selepas pengumuman semalam), maka saya bersetuju untuk melanjutkan pelepasan cukai SSPN ini. Cadangan ini membabitkan kehilangan hasil kerajaan sekira RM250 juta setahun, namun memberi manfaat kepada sekira 400,000 pembayar cukai," katanya.

Kelmarin media melaporkan Timbalan Menteri Kewangan Steven Sim berkata bermula tahun ini, pembayar cukai yang mencarum dalam SSPN tidak lagi layak menuntut pelepasan cukai individu sehingga RM8,000.

Anwar turut mengumumkan mulai 1 April tahun ini, kerajaan akan memperluaskan sasaran Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) terhadap golongan berpendapatan tetap dan tidak tetap, bagi memiliki kediaman pertama yang memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40.

Dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari lalu SJKP ditambah baik dengan meningkatkan dana jaminan pembentayaan daripada RM3 bilion kepada RM5 bilion untuk membantu pembeli rumah kali pertama, terutamanya mereka yang tidak berpendapatan tetap.



ANWAR Ibrahim ketika membaik semula Belanjawan 2023 bertemakan Membangun Malaysia Madani untuk dibahaskan pada Persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen